



DAING Nasir (tengah) bersama warga UMP dan ahli KMP pada pertandingan boling persahabatan 2018 di Playground 6, Semambu.

Kuantan

Boling persahabatan UMP, media

Seramai 150 pengamal media Pahang dan kakitangan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** menyertai pertandingan boling persahabatan di sini, malam kelmarin.

Program anjuran UMP dengan kerjasama Kelab Media Pahang (KMP) yang berlangsung di Playground 6, Semambu itu turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan,

Abd Rahman Safie dan Presiden KMP, Datuk Nik Naizi Hussin.

Daing Nasir berkata, program itu merapatkan hubungan baik dengan pengamal media di Pahang, selain beriadah sebagai usaha menyokong gaya hidup sihat yang dijalankan universiti berkenaan.

“UMP menghargai peranan media yang banyak membuat liputan setiap aktiviti yang kami jalankan termasuk pencapaian dalam bidang kajian dan penyelidikan,” katanya.